

NEGARA ISLAM

Islam dengan Susunan Ketenteraan

Sesuatu bangsa yang ingin maju mestilah kuat, dan mestilah pula berjiwa perwira, lebih-lebih lagi dalam masa yang seperti sekarang ini, masa sesuatu bangsa itu mendasarkan jaminan perdamaian, bila persediaan peperangan telah cukup lengkap lagi kuat. Sehingga semboyan mereka ialah: “Bila hendak damai, hendaklah bersiap untuk berperang.” (Menurut kata-kata sakti bangsa Rom), dan juga pepatah mengatakan: “Kekuatan itulah jaminan yang tegas untuk menyatakan kebenaran.”

Islam, sebagaimana dia menjadi peraturan yang lengkap dalam segala hal, maka dia juga mengarahkan perhatiannya ke arah perlengkapan dan persediaan dengan segala kekuatan (untuk menangkis sebarang pencerobohan musuh), bahkan disifatkannya suatu kewajipan yang mesti ditunaikan. Tidak ada perbezaan antara kewajipan ketenteraan dengan kewajipan sembahyang, puasa, zakat dan lain-lain. Di mana-mana pun tidak ada satu susunan masyarakat yang luput dari ketenteraan ini. Baik dahulu mahupun sekarang. Tidak ada kecualinya. Lihat sejarah kebangkitan Islam dalam zaman permulaannya, semasa junjungan kita Muhammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa alīhi wa sallam*. Hal ini makin bertambah jelas apabila kita memahamkan dengan teliti akan firman Allah Ta‘ālā (maksudnya):

“Hendaklah kamu sediakan untuk mereka seberapa yang kamu sanggup, iaitu dengan kekuatan dan askar-askar yang berengkap sedia, supaya dapat kamu menggerunkan musuh-musuh Allah dan musuh-musuh kamu, demikian juga orang-orang lain yang tiada kamu ketahui, sedang Allah mengetahuinya.” (61, *al-Anfāl*).

Firman-Nya lagi maksudnya:

Diwajibkan atas kamu berperang, sedang berperang itu kamu benci; tetapi harus kamu benci akan sesuatu, sedang ia baik bagi kamu, dan suka akan sesuatu, sedang ia berbahaya kepada kamu. (216, *al-Baqarah*).

Mengenai soal ketenteraan ini kita dapat baca beberapa ayat suci lagi. Ayat-ayat itu terkandung di dalam Surah *al-Nisā’*, iaitu dari ayat 74 hingga ayat 78. Ayat-ayat ini selalu juga dibaca oleh imam dalam sembahyang pada hari Jumaat.

Ayat 74 itu (maksudnya):

“Hendaklah kamu perangi pada jalan Allah akan orang-orang yang mahu menjual (menukar) hidup di dunia dengan akhirat. Dan barangsiapa berperang pada jalan Allah, lalu ia terbunuh atau beroleh kemenangan, maka kami akan anugerahi dengan pahala yang besar.”

Perasaan mulia yang ada dalam jiwa seorang muslim terhadap kaum yang lemah dan menderita, menggerakkan dia mengangkat senjata dan tampil membela mereka. Hal ini terkandung dalam firman Allah Ta‘ālā (maksudnya):

“Mengapa kamu tiada suka berperang pada jalan Allah dan untuk membebaskan orang-orang yang lemah dari lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, iaitu mereka (kerana



Sebahagian dari tentera Islam, pengawal negara Saudi Arabiyah, sedang berhimpun dalam suatu perayaan.

terlalu dianiayakan) berkata: Ya Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari dalam negeri ini yang zalim penduduknya dan jadikanlah untuk kami seorang pemimpin (yang akan memimpin kami) dan seorang pembela (yang akan membela nasib kami.)” (57, *al-Nisā*’).

Jelaskan perbezaan orang yang berperang pada¹ jalan Allah dengan orang yang berperang pada jalan hawa nafsunya, Tuhan ‘azza wa jalla berfirman (maksudnya):

“Orang-orang yang beriman itu berperang pada jalan Allah dan orang-orang yang kafir itu pula berperang pada jalan syaitan. Oleh sebab itu perangilah kamu pengikut-pengikut

syaitan itu, sesungguhnya tipu daya syaitan amatlah lemah.” (76, *al-Nisā*’).

Sifat-sifat orang yang pengecut dan mengelak daripada merempuh medan perjuangan ketika tiba wajibnya tiap-tiap seorang memikul senjata dan tampil menentang musuh, telah dicela oleh Allah ‘azza wa jalla dalam firman-Nya (yang bermaksud):

“Tidakkah engkau perhatikan, akan orang-orang yang (hendak³ memerangi orang kafir, tetapi kerana belum tiba wajibnya lalu Nabi melarang mereka dan) dikatakan kepada mereka: “Jangan kamu pergi berperang. Kerjakanlah sembahyang dan keluarkanlah zakat.” Tetapi apabila mereka diwajibkan pergi berperang, tiba-tiba di antara mereka ada satu puak yang takut melawan musuh sebagaimana mereka takut kepada Allah, atau lebih lagi. Mereka berkata: “Ya Tuhan kami! Mengapa engkau wajibkan peperangan atas kami, alangkah baiknya kalau kami diberi tempoh hingga suatu masa yang tidak lama lagi?” Katakanlah (Ya Muhammad), kesenangan hidup di dunia hanya sedikit jua, dan hari akhirat itu lebih baik bagi orang yang takwa (yang menjunjung perintah Allah), sedang kamu tiada teraniyai walau sedikit pun. Di mana kamu juga berada nescaya kamu akan ditimpa maut, sekalipun kamu berada dalam istana-istana atau benteng-benteng yang tinggi.” (77-78, *al-Nisā*’)

Demikianlah dasar ketenteraan dalam Islam, yang menggambarkan jiwa waja yang mesti dipunyai oleh tiap-tiap tentera dan perajurit. Kekuatan iman, keteguhan pendirian, dan kebalnya cita-cita adalah menjadi perisai utama bagi mereka dalam pertempuran menghadapi musuh Allah.

¹ Tulisan dalam teks asal tidak jelas

² Tulisan dalam teks asal tidak jelas

³ Kesilapan ejaan dalam teks asal, pada teks asal tertulis ‘hedak’

Dalam kehidupan ketenteraan menurut pengertian zaman sekarang, haruslah dua perkara berjalan kuat, iaitu: Aturan dan disiplin. Kedua-dua syarat mutlak itu telah dinyatakan dalam firman Allah Ta'ālā, (maksudnya):


“Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berperang pada jalannya – kerana membela agamanya – dalam satu barisan, seolah-olah mereka sebuah binaan yang tersusun yang bersatu padu.” (4, *al-Şāf*).

“(Alangkah baiknya, jika mereka mengatakan) taat mengikut perintah Allah) dan menyatakan perkataan yang baik.” (21, Surah *Muhammad*).

Tatkala menyuruh berlekap sedia dengan segala jenis kekuatan perang untuk menghadapi musuh, Islam juga menganjurkan kepada perdamaian dan mencintai perdamaian tentang ini Tuhan berfirman (maksudnya):

“Jikalau musuh kamu itu suka damai hendaklah engkau suka damai pula, sambil menyerahkan diri kepada Allah, kerana ia amat mendengar lagi amat mengetahui.”

Setelah perdamaian tercapai dengan kemenangan di pihak Islam, maka Tuhan menghadkan kemenangan itu menurut perenggan-Nya yang tertentu. Hal ini dinyatakan dengan jelas



Penduduk kampung Sungai Hancing Batu 3 Jalan Muara, Brunei, bergambar ramai di hadapan masjidnya setelah menunaikan fardu Jumaat. Keterangan gambar: Duduk nombor 8 dari kanan: Cikgu Muhammad Ilyas bin Haji Abdul Ghani, pemimpin dan (guru agama) Sekolah Melayu Sungai Hancing dan kelas dewasa. Nombor 9 Tuan Haji Abdulrahman Yaakub (Imam masjid) itu. Manakala nombor 5 dari kiri: Tuan Haji Abdul Rahman Mansur (ketua kampung) dan nombor 4 ialah I. Anang Abdul Karim – pengirim gambar dan berita ini.

oleh Allah *subhānahu wa ta'ālā* (maksudnya):

“Sesungguhnya Allah menolong memberi kemenangan kepada orang-orang yang menolong (membela) agamanya. Sesungguhnya ia amat kuat lagi berkebesaran. Ada pula orang, jika kami tempatkan dan berikan kepadanya kekuasaan di muka bumi, mereka mengerjakan sembahyang dan mengeluarkan zakat, mereka menyuruh berbuat baik dan melarang daripada berbuat jahat, dan kepada Allah jua terserah kesudahan segala pekerjaan.”

Undang-undang perang sejagat telah juga sedia di dalam Islam, diletakkan dasar-dasarnya oleh Allah ‘*azza wa jalla* dengan firman-Nya, yang bermaksud:

“Jika engkau takut khianat kaum kafir (yang berikat perjanjian denganmu), hendaklah engkau batalkan perjanjian dengan mereka, dengan cara yang adil, sesungguhnya Allah tidak kasih kepada orang-orang yang khianat.” (58, *al-Anfāl*).

Perhatikanlah pula wasiat-wasiat Nabi dan sahabat-sahabatnya kepada panglima-panglima perang yang hendak pergi bertempur.

Khalifah Abū Bakar al-Ṣiddīq, *raḍīya Allāhu ‘anhu*, telah berwasiat kepada panglimanya yang hendak pergi ke medan jihad, dengan wasiat yang menggambarkan kasih sayang sesama manusia bergelora di dalam kalbunya: “Jangan kamu menipu, dan merompak. Jangan kamu membunuh perempuan-perempuan dan kanak-kanak dan orang-orang yang telah tua. Jangan kamu tebang pohon yang sedang berbuah dan jangan kamu sembelih binatang-binatang ternak kecuali untuk dimakan. Jangan kamu menganiyai orang yang sudah menyerah, dan jangan kamu sakiti orang yang tercedera. Kadang-kadang kamu melalui di hadapan

tempat-tempat ibadah (Yahudi dan Nasrani), dan di dalamnya ketua-ketua agama itu dan orang ramai beribadah, maka biarkanlah mereka melakukan ibadah mereka masing-masing, janganlah kamu ganggu dan jangan kamu halangi mereka.”

Demikianlah bentuk ketenteraan dalam Islam, meliputi pengawal-pengawal keamanan, undang-undang dan peraturan. Bagaimana pula tentera Barat yang berjiwa dan berpendidikan cara Barat sekarang ini, telah diketahui ramai. Baik tentang penganiayaan dan pencerobohnya, mahupun tentang tamak halobanya. Cubalah bandingkan kedua jenis ketenteraan ini, manakah yang lebih baik dan yang lebih dapat menjamin tercapainya keamanan dan perdamaian?

(Dari buah kalam Tuan Naziruddin Rahmat)

“Akan engkau maki-maki lagi Muḥammad?
Aku telah beragama dengan agama Muḥammad dan akan aku ucapkan apa yang diucapkan Muḥammad. Kalau engkau berani cuba balas pukulanku” – ini ialah perkataan Ḥamzah ibn ‘Abd al-Muṭalib ketika memukul Abū Jahal.

Ḥamzah

Pahlawan Islam yang gagah, ayah saudara Nabi! Sejarahnya ini disebut di dalam buku syuhada Islam dengan nama:

Singa Allah

Ḥamzah ibn ‘Abd al-Muṭalib
Ceritanya bersemangat dan membawa semangat. Lihat sejarah keberaniannya. Senaskah hanya 50 sen *post* 10 sen.